

Jalankan pusat hiburan tanpa lesen, lelaki didenda RM3,000

KUCHING: Padah menjalankan premis pusat hiburan tanpa lesen sah, seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau sebulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap Chang Kiang Loong, 51, yang mengaku bersalah sebaik didakwa di bawah Seksyen 5(1)(b) Ordinan Hiburan 2000.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 12.15 tengah malam pada 16 Februari 2025 di sebuah premis karaoke dan hiburan di Bandar Baru Batu Kawa (MJC), Jalan Batu Kawa di sini.

Fakta kes mendedahkan

sepasukan polis yang menjalankan operasi pada hari kejadian telah memeriksa pusat hiburan berkenaan dan mendapati beberapa pelanggan sedang berhibur dengan muzik dimainkan secara kuat.

Polis kemudiannya meminta tertuduh untuk mengemukakan lesen perniagaan bagi pusat hiburan terbabit, namun tertuduh selaku penjaga premis gagal berbuat demikian.

Susulan itu, polis menang-

kap tertuduh serta merampas beberapa barangan, antara lainnya adalah televisyen, pembesar suara dan sekeping resit jualan.

Hasil semakan dan pengesahan daripada pihak Majlis Perbandaran Padawan (MPP) juga mengesahkan premis tersebut tidak mempunyai lesen hiburan untuk menjalankan aktiviti pusat hiburan.

Tertuduh tidak diwakili peguam.